



SIARAN MEDIA POLIS DIRAJA MALAYSIA

IBU PEJABAT POLIS DIRAJA MALAYSIA, 50560 BUKIT AMAN, KUALA LUMPUR

TELEFON: 03-22666002 / 03-22666179 FAKS: 03-22666199

E-MEL: jsjd5@rmp.gov

KENYATAAN MEDIA PENGARAH JABATAN SIASATAN JENAYAH

PERKEMBANGAN SIASATAN KES MENARIK PERHATIAN MELIBATKAN PEGAWAI KANAN POLIS DALAM KES ROGOL

POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM) TELAH MENERIMA ARAHAN DARIPADA PEJABAT PEGUAM NEGARA UNTUK MENUDUH PEGAWAI KANAN POLIS BERPANGKAT INSPEKTOR YANG TERLIBAT DALAM KES ROGOL DI SEBUAH HOTEL DI PETALING JAYA, SELANGOR BARU-BARU INI.

DALAM KESINI, TERDAPAT DUA (2) KERTAS SIASATAN TELAH DIBUKA KE ATAS PEGAWAI KANAN TERSEBUT IAITU DI BAWAH AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN (ATIPSOM) 2007 DAN KANUN KESEKSAAN.

KERTAS SIASATAN PERTAMA TELAH DITUDUH PADA 29 APRIL 2020 DI MAHKAMAH KLANG, SELANGOR DI BAWAH SEKSYEN 13(f) ATIPSOM 2007 KERANA KESALAHAN PEMERDAGANGAN ORANG DENGAN CARA PENYALAHGUNAAN KUASA UNTUK TUJUAN EKSPLORASI SEKS. MANAKALA KERTAS SIASATAN KEDUA AKAN DITUDUH PADA 30 APRIL 2020 DI MAHKAMAH PETALING JAYA, SELANGOR DI BAWAH SEKSYEN 376(2)(f) KANUN KESEKSAAN KERANA KESALAHAN MEROGOL DAN SEKSYEN 354 KANUN KESEKSAAN KERANA KESALAHAN MENCABUL.

TINDAKAN UNTUK MENUDUH SUSPEK DALAM KES INI MEMBUKTIKAN BAHAWA PDRM TIDAK PERNAH BERKOMPROMI DAN TIDAK JUGA SESEKALI MELINDUNGI SEBARANG PERLAKUAN JENAYAH OLEH MANA-MANA PEGAWAI ATAU PUN ANGGOTA DALAM PASUKAN. KETEGASAN DALAM MENGAMBIL TINDAKAN TERSEBUT MENUNJUKKAN BAHAWA PDRM SENTIASA MENEGAKKAN UNDANG-UNDANG TANPA MENGIRA STATUS DAN KEDUDUKAN SESEORANG.

MALANGNYA, TERDAPAT SEGELINTIR MASYARAKAT ATAU KUMPULAN MASYARAKAT YANG SEOLAH-OLAH CUBA MEMPERTIKAI KEWIBAWAAN PDRM DALAM MENGENDALIKAN KES YANG MELIBATKAN PEGAWAINYA SENDIRI.

JUSTERU, PDRM SEKALI LAGI MENGINGATKAN KEPADA MEREKA YANG BERSIKAP SKEPTIKAL, PREJUDIS DAN MEMANDANG RENDAH AKAN PROFESIONALISME KEPOLISAN, SUPAYA SENTIASA BERHATI-HATI DALAM MENGELOUARKAN SEBARANG KENYATAAN YANG DIANGGAP PRAMATANG KHUSUSNYA DALAM MELONTARKAN KOMEN ATAU ULASAN DALAM SIASATAN KES INI.

PDRM TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK UNTUK MENGAMBIL SEBARANG TINDAKAN UNDANG-UNDANG KE ATAS MEREKA YANG CUBA UNTUK MENCETUSKAN PERSEPSI NEGATIF DAN KEGUSARAN AWAM DALAM MENANGANI APA JUA KES YANG DISIASAT OLEH PDRM. JADILAH MASYARAKAT YANG BERTANGGUNGJAWAB DALAM MEMBINA NEGARA BANGSA KE ARAH MASYARAKAT YANG AMAN DAN SEJAHTERA.


(DATO' HUZIR BIN MOHAMED) CP
PENGARAH JABATAN SIASATAN JENAYAH
POLIS DIRAJA MALAYSIA

-TAMAT-

(Dikeluarkan pada 30 April 2020 jam 8.00 pagi)